

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
KAWASAN : ARAU

SOALAN NO. 413

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian akan meneruskan projek Lebuh Raya Padang Besar ke Bukit Kayu Hitam bernilai RM100 juta yang telah diluluskan dalam 'Blue Print' Pelaksanaan Rangkaian Jalan Raya Malaysia Dalam RMK-10 pada tahun 2007 yang telah ditangguhkan atas faktor-faktor tertentu dan terpaksa ditukarkan dengan projek-projek kecil luar bandar yang lain memandangkan ia berupaya memberikan impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan keselamatan para pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mempunyai perancangan untuk melaksanakan projek lebuh raya dari Padang Besar ke Bukit Kayu Hitam. Untuk itu, Kementerian ini telah melaksanakan Kajian Kemungkinan Cadangan Penswastaan Projek Lebuhraya Di Koridor Utara Semenanjung Malaysia pada tahun 2017 bagi mengenalpasti jajaran lebuhraya terbaik yang menjadi perhubungan antara kawasan di bahagian Utara Semenanjung Malaysia daripada Padang Besar, Perlis ke Changkat Jering, Perak.

Oleh itu, Kementerian akan meneliti semula cadangan ini sekiranya dimohon dalam *Rolling Plan* RMKe-12 yang akan datang dan memenuhi keperluan teknikal untuk dibina. Walau bagaimanapun, kelulusan projek adalah bergantung kepada Agensi Pusat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.